



HUBUNGAN
ETNIK



BAB 6

HUBUNGAN ETNIK KE ARAH MASYARAKAT BERINTEGRASI

MAHYUDDIN KHALID

emkay@salam.uitm.edu.my

PENGENALAN

6.1
6.2
6.3
6.4

KANDUNGAN BAB 6

Hasil Pembelajaran

- Menganalisis kepentingan program perpaduan dan integrasi nasional demi kestabilan dan kesejahteraan sosiakl di Malaysia
- Mengenalpasti peranan-peranan yang dimainkan oleh kerajaan melalui dasar-dasar ke arah integrasi
- Mengenalpasti peranan masyarakat dan NGO ke arah integrasi dan perpaduan di Malaysia.



HUBUNGAN ETNIK

[2]

PELAN & STRATEGI INTEGRASI



HUBUNGAN ETNIK



Usaha mengukuhkan hubungan etnik secara holistik amat mencabar kerana gagasan yang retorik dan simbolik semata-mata hanya menghasilkan impak yang kurang berkesan.

Pelbagai usaha telah diambil untuk mengukuhkan lagi hubungan sosial pelbagai etnik di negara ini serta membina masyarakat yang lebih adil dari segi struktur sosial dan ekonomi.



Oleh yang demikian, strategi integrasi perlu dilaksanakan semua pihak iaitu kerajaan, masyarakat dan NGO bersesuaian dengan peranan yang diperlukan.

(3)

STRATEGI KE ARAH INTEGRASI



HUBUNGAN ETNIK

PELAN TINDAKAN DAN
DASAR KERAJAAN

(4)



rukun negara

- Dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Malaysia (MAGERAN) berdasarkan pindaan Draf Rukun Negara yang terbentuk melalui Majlis Perundangan Negara (MPN)
- Rukun Negara sebagai ideologi nasional Malaysia merupakan panduan untuk merencana program dan dasar negara
- Rukun Negara digunakan sebagai instrumen mengatasi garis pemisah antara etnik dalam membentuk dan membimbing masyarakat Malaysia ke arah mewujudkan perpaduan
- Rukun Negara menjadi peraturan dan norma hidup kepada masyarakat di Malaysia dan pematuhan kepadanya dapat mewujudkan perpaduan antara etnik di negara ini.



[5]

DASAR-DASAR PEMBANGUNAN NEGARA

Dasar Ekonomi Baru

- Bermatlamat mencapai perpaduan negara dengan:
 - Memperbetulkan **ketidakseimbangan sosioekonomi** antara kaum dan wilayah
 - Mempertingkatkan **penglibatan bumiputera** dalam bidang perniagaan dan perusahaan

Dasar Pembangunan Nasional

- Bermatlamat mencapai **pembangunan seimbang** bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan adil
- Mewujudkan **masyarakat Perdagangan & Perindustrian** Bumiputera
- Digerakkan atas landasan kukuh membentuk pembangunan seimbang meliputi aspek keadilan sosial, nilai, etika, dan moral mengikut **acuan tempatan**.

Dasar Wawasan Negara

- Penerusan dasar kearah Wawasan 2020
- Mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu, progresif dan makmur
- Meningkatkan **daya tahan dan daya saing ekonomi** Malaysia.

[6]

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN



HUBUNGAN ETNIK

(7)

Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan melalui **Akta Pelajaran 1961** merupakan dasar ke arah mewujudkan masyarakat yang harmonis.

Program utama di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan:



Sekolah Wawasan

- Menyediakan ruang sosial bagi pelajar dari **pelbagai etnik berinteraksi** seterusnya menjalin hubungan yang harmonis

RIMUP

- Kerjasama antara sekolah** pelbagai aliran dalam program pelajar dan guru bagi meningkatkan hubungan etnik dalam kalangan pelajar

Bahasa Tamil & Mandarin

- Penawaran mata pelajaran Tamil dan Mandarin di sekolah aliran kebangsaan sebagai **bahasa kedua** sebagai pemungkin proses interaksi dan integrasi kaum

Pelan Pembangunan Pendidikan

- Bertujuan mewujudkan masyarakat yang saksama melalui **peningkatan taraf hidup** serta mengurangkan jurang sosio ekonomi

Program Bantuan Pelajar

- Program lain** seperti Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Skim Baucau Tuisyen dan Skim Pinjaman Buku Teks

KRONOLOGI DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN



HUBUNGAN ETNIK

(8)

Sebelum 1950

- Dasar Kolonial British

1950

- Laporan Barnes

1956

- Penyata Razak

1957

- Ordinan Pelajaran

1960

- Laporan Rahman Talib

1961

- Akta Pelajaran

1974

- Laporan Kabinet

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN



HUBUNGAN ETNIK

Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia.

Dasar ini menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujud dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Teras Dasar Kebudayaan Kebangsaan



Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.



Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima



Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan

(9)

WAWASAN 2020



HUBUNGAN ETNIK

Diperkenalkan pada 28 Februari 1991



Menegaskan bahawa matlamat pembangunan negara ialah

- Menjadikan Malaysia sebuah negara industri
- Pembentukan negara Malaysia yang maju menjelang 2020

Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan masyarakat yang:

- Bermoral dan beretika, kukuh dalam nilai agama
- Liberal dan bertolak ansur
- Mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang jauh kedepan
- Penyayang dan budaya menyayangi
- Adil dalam bidang ekonomi
- Mempunyai ekonomi yang boleh bersaing, dinamik, giat dan berdaya tahan

(10)

1MALAYSIA



1Malaysia

- Diperkenalkan pada 2009 dengan slogan “Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

- Merupakan pendekatan baharu bagi menempa sebuah zaman baharu demi menjelaskan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat.
- Prinsip utama 1Malaysia ialah: **integriti, kebolehan dan kesaksamaan**
- Matlamat 1Malaysia adalah: **mengekalkan perpaduan** dalam kepelbagaiannya etnik dalam masyarakat Malaysia
- 1Malaysia merupakan wadah bagi **pembinaan bangsa Malaysia** yang bersatu padu dan membantu negara ke arah mencapai Wawasan 2020.



HUBUNGAN ETNIK

[11]

1MALAYSIA



HUBUNGAN ETNIK

[12]

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



HUBUNGAN ETNIK

Bermula dengan penubuhan MAGERAN, Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan bagi menangani isu-isu berhubung pembinaan semula perpaduan masyarakat di Malaysia yang rapuh akibat peristiwa 13 Mei 1969

Penubuhan JPNIN bermatlamat:

Memupuk **kesefahaman dan semangat muhibbah** melalui jaringan dan interaksi sosial ke arah **pembentukan bangsa Malaysia** yang bersatu padu dan beridentiti nasional

Sehingga kini, pelbagai strategi dirangka bagi memupuk perpaduan dan mempertingkatkan perpaduan dan integrasi nasional.

Antaranya melalui Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2006-2010.

Antara program utama JPNIN ialah:

Rukun Tetangga, Skim Ronda Sukarela, Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

(13)

PLKN



HUBUNGAN ETNIK

PLKN



- PLKN bertujuan bagi **pembinaan sahsiah diri** bermatlamatkan membina dan mengukuhkan **semangat patriotisme** dikalangan generasi muda, menyatukan golongan muda dari pelbagai kaum dan menyediakan mereka bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara

Program kurus latihan yang mula dilaksanakan sejak 2004

Setiap tahun 18% daripada remaja berumur 18 tahun pada tahun latihan dipilih untuk menyertai PLKN.

Objektif PLKN:

- Menanam semangat patriotisme dan cintakan negara
- Mempertingkat perpaduan kaum dan integrasi nasional
- Membentuk perwatakn positif melalui nilai-nilai murni
- Menanam semangat kesukarelaan

(14)

STRATEGI KE ARAH INTEGRASI



HUBUNGAN ETNIK

(15)

PERANAN
MASYARAKAT

RUKUN
TETANGGA

SKIM RONDAAN
SUKARELA

RUMAH
TERBUKA

DIFUSI
BUDAYA

RUKUN TETANGGA



HUBUNGAN ETNIK

(16)

Rukun Tetangga

- Diperkenalkan pada 1975
- Bermatlamat **memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat** dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
- Rukun Tetangga membolehkan rakyat **mengawal keselamatan di kawasan kediaman masing-masing**
- Skim Rukun Tetangga di perluaskan lagi dengan pendekatan **pembangunan komuniti**
- Jawatankuasa Rukun Tetangga ini telah menganjurkan berbagai aktiviti di dalam komuniti mereka.

SKIM RONDAAN SUKARELA



SRS dijalankan sebagai salah satu langkah untuk **menjaga keselamatan** dalam Kawasan Rukun Tetangga disamping membantu pihak Polis mengurangkan kadar janayah.

SRS mengesan dan melapor isu-isu perhubungan kaum dan menjadi perantara dalam penyelesaian konflik.



Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah satu **cabang di dalam Rukun Tetangga**.

RUMAH TERBUKA



Rumah Terbuka di Malaysia bermaksud sesuatu perayaan agama disambut oleh penganut pelbagai agama dengan tujuan memupuk persefahaman di kalangan rakyat Malaysia.

Rumah terbuka tidaklah bertujuan mengembangkan agama kepada penganut agama lain.

Amalan rumah terbuka memberi kefahaman kepada rakyat bukan Islam tentang nilai hidup ajaran Islam yang menganjurkan sifat berbaik-baik sesama manusia.

Amalan rumah terbuka ini sesuatu yang unik bagi Malaysia, telah mendorong menyumbang kepada keamanan dan kebaikan keadaan dalam negara kita.



DIFUSI BUDAYA



Proses-proses **penyebaran unsur-unsur budaya** dari individu kepada individu yang lain ataupun dari satu masyarakat ke masyarakat yang lain.

Difusi penyerapan budaya kebiasaannya berlaku secara **sukarela yang tidak disedari**.

Difusi budaya juga berlaku melalui unsur kesenian dan keagamaan.

Kini proses difusi tersangat cepat berlaku kerana terdapat berbagai-bagi kemudahan sistem komunikasi yang tersebar luas, seperti radio, tv dan filem.

(19)

STRATEGI KE ARAH INTEGRASI



(20)

RAKAN COP



Rakan Cop

- Dilancarkan pada 9 Ogos 2004 oleh Kuala Lumpur.
- Maklumat boleh disalurkan kepada Pusat Kawalan Polis (CCC) yang beroperasi 24 jam (hotline, SMS, MMS e-mail dan website)
- Rakan Cop adalah bersifat ‘Community Oriented Policing’ dan ‘Smart Partnership’
- Rakan Cop membolehkan **polis dan masyarakat saling mengembeleng tenaga** dengan lebih berkesan memerangi jenayah dan apa juu masalah keselamatan



HUBUNGAN ETNIK

(21)

ABIM

- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili **pergerakan belia Islam** di Malaysia.
- Ditubuhkan pada 1971
- Cita-cita utama ABIM ialah menyumbang secara proaktif **pembinaan masyarakat Islam** yang mampu menjadi teras terhadap proses **pembinaan negara bangsa** Malaysia yang utuh di dalam pelbagai aspek kehidupan
- ABIM sedia mendokong dan memperjuangkan usaha-usaha
 - Mewujudkan **perpaduan ummah**
 - Memperkuatkan **hubungan pelbagai kaum** dalam rangka membina integrasi nasional, membina rupa budaya bangsa yang sihat.

ABIM



HUBUNGAN ETNIK

(22)

SUHAKAM



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia(Suhakam) ditubuhkan pada tahun 1999 melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999.



Hak Asasi Manusia seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia termasuklah :

- Hak untuk bersuara
- Hak untuk bergerak
- Hak untuk berhimpun

Antara fungsi SUHAKAM:

- mempromosikan kesedaran dan pendidikan berkaitan hak asasi manusia
- menasihat dan membantu Kerajaan merumuskan undang-undang dan prosedur dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil
- mengesyorkan kepada Kerajaan berhubung perjanjian dan dokumen antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia;
- menyiasat aduan tentang pelanggaran hak asasi manusia.

HUBUNGAN ETNIK

(23)

ALIRAN



ALIRAN

JUSTICE • FREEDOM • SOLIDARITY

ALIRAN

- Aliran Kesedaran Negara (Aliran) adalah gerakan pembaharuan multi-etnik yang memperjuangkan keadilan, kebebasan, dan perpaduan.
- Pendekatan Aliran dipandu oleh nilai spiritual yang universal, dan fokus pada membina kebersamaan hakiki dengan menjunjung tinggi martabat manusia dan mempromosikan keadilan sosial bagi seluruh Malaysia.
- Aliran adalah suatu gerakan yang bebas dan autonomi, serta tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan atau persatuan masyarakat awam.
- Aliran mengamalkan konsep bekerjasama secara aktif dengan kumpulan lain mengenai isu-isu tertentu dengan tujuan khusus.

HUBUNGAN ETNIK

(24)

MAJLIS BELIA MALAYSIA



MBM

- Majlis Belia Malaysia (MBM) ialah sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang bergerak sebagai badan induk menyelaraskan pertubuhan belia dan pelajar di negara ini
- Penubuhan rasmi MBM adalah pada 9 September 1950
- Diiktiraf sebagai majlis belia peringkat kebangsaan bagi negara ini.

Tujuan utama MBM ialah

- Mengukuhkan prinsip **sukarela dan demokratik** dalam pergerakan belia
- Mengemukakan **pendapat kepada kerajaan, badan-badan berkanun** atau badan-badan yang lain mengenai perkara berkaitan belia
- Menggalakkan penghormatan antarabangsa, persefahaman antara kaum, **kerjasama dan kesejahteraan** menerusi kegiatan belia

HUBUNGAN ETNIK

(25)

INTEGRASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



Integrasi menurut Islam bukan hanya di kalangan **masyarakat Islam** bahkan di kalangan **masyarakat bukan Islam**

HUBUNGAN ETNIK

Islam menyarankan supaya kita menjalin hubungan baik dengan cara **bertolak ansur, saling menghormati dan bantu membantu** antara satu sama lain



(26)



Integrasi hanya akan berjaya sekiranya semua masyarakat **bekerjasama** serta memberi **komitmen yang jitu**



ASAS INTEGRASI ISLAM

Asas Integrasi

- Agama
- Al-Quran
- Taqwa



[27]

KEPENTINGAN INTEGRASI

- Keperluan hidup bermasyarakat
- Asas pembangunan ummah
- Menggerunkan musuh Islam
- Tanda kesempurnaan Aqidah
- Mencontohi Rasulullah SAW
- Berfikiran positif – bersedia & saling bantu-membantu
- Memastikan hak-hak sosioekonomi dipenuhi dengan adil


[28]

KESAN PERPECAHAN



HUBUNGAN ETNIK

(29)



STRATEGI INTEGRASI ISLAM



HUBUNGAN ETNIK

(30)



Kembali kepada ajaran Islam

Membina kefahaman

Memperkuuh hubungan ulama' & umara'

Pendidikan

Persekuturan yang baik

Menjauhi punca persengketaan

Menghargai nilai perpaduan

Mempraktikkan amalan syura



PENGUKUHAN

- Jelaskan TIGA (3) tanggungjawab masyarakat dalam memastikan perpaduan etnik sentiasa terpelihara
- Bincangkan TIGA (3) strategi mengekalkan keharmonian hubungan etnik di Malaysia.
- Bincangkan TIGA (3) pendekatan integrasi etnik yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk merealisasi agenda perpaduan negara.
- Buktiikan TIGA (3) kejayaan sistem pendidikan dalam mengintegrasikan etnik di Malaysia.
- Huraikan EMPAT (4) peranan Rukun Negara untuk memupuk perpaduan nasional.
- EMPAT (4) strategi bagi menangani integrasi antara kaum di Malaysia.